

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**
www.ijepe.com



**PEGANGAN AKIDAH TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ NIK MAT:
SUATU PENILAIAN TERHADAP KURIKULUM AKIDAH
SEKOLAH AGAMA PETANG PERLIS (SAPPs) MAIPs**

*THE CREED OF TUAN GURU NIK ABDUL AZIZ NIK MAT: AN ASSESSMENT OF
ISLAMIC CREED CURRICULUM IN SEKOLAH AGAMA PETANG PERLIS
(SAPPs) MAIPs*

Muhammad Isyraf Ishak^{1*}, Hazman Hassan², Mohd Akram Dato'Dahaman @ Dahlan³, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz⁴, Mohd Nazim Mohd Noor⁵ & Syed Abu Bakar Syed Kamal Bharin Jamalullail⁶

¹ Islamic Religious Affairs Department of Perlis. Kangar, Perlis Malaysia
Email: isyrafishak13@gmail.com

² School of Languages, Civilization and Philosophy (SLCP), Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: hazman@uum.edu.my

³ School of Languages, Civilization and Philosophy (SLCP), Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: akram@uum.edu.my

⁴ Faculty of Business & Communication, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia
Email: kasturi@unimap.edu.my

⁵ Perlis Islamic Religious Custom and Malay Council. Kangar, Perlis, Malaysia
Email: mohdnazim@maips.gov.my

⁶ Perlis Islamic Religious Custom and Malay Council, Kangar, Perlis, Malaysia
Email: sabnuha8887@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Ishak, M. I., Hassan, H., Abd Aziz, M. K. N., Dahaman @Dahlan, M. A., Mohd Noor, M. N., & Jamalullail, S.

Abstrak:

Allahyarham Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat (1931-2015) merupakan Menteri Besar Kelantan ke-17. Beliau turut diberikan kepercayaan menjadi Mursyidul Am PAS (1995-2015), justeru beliau memiliki pegangan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah yang diteladani. Di Negeri Perlis, Raja Mudanya iaitu DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail memberi inspirasi suatu inisiatif Pendidikan Islam peringkat sekolah rendah yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Diperkenalkan nama Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) MAIPs, wawasan pendidikan MAIPs

A. B. S. K. B. (2025). Pegangan Akidah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat: Suatu Penilaian Terhadap Kurikulum Akidah Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) MAIPs. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (58), 452-465.

DOI: 10.35631/IJEPC.1058031

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



ini dilancarkan sejak tahun 2018 bagi melestarikan pembudayaan metodologi Ahli Sunnah wal Jamaah dalam kalangan generasi pewaris Perlis. Dalam kurikulum SAPPs MAIPs, akidah Ahli Sunnah wal Jamaah merupakan komponen yang unik. Oleh itu, makalah ini mengikhtiarkan perbandingan isu-isu terpilih bagi akidah Tuan Guru Nik Abdul Aziz, dengan pengajaran dan pembelajaran akidah dalam kurikulum SAPPs MAIPs.

Kata Kunci:

Akidah; Nik Abdul Aziz Nik Mat; Pendidikan Akidah Peringkat Rendah; Pendidikan Islam; Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs); Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs)

Abstract:

The late Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat (1931-2015) is the 17th Chief Minister of Kelantan state, Malaysia. He was also highly trusted as the Mursyidul Am or Spiritual Leader of the Pan-Malaysia Islamic Party (PAS) (1995-2015). Thus, he is widely revered as a scholar professing an exemplary Sunni Islamic creed. Meanwhile in the neighbouring state of Perlis, the Crown Prince His Royal Highness Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail inspired a primary level initiative in Islamic education, implemented by the Islamic Religious and Malay Customs Council of Perlis or popularly abbreviated as MAIPs. Assented the name of Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) MAIPs or Perlis Afternoon Religious School, this education vision of MAIPs was launched since 2018 to sustain the acculturation of the Sunni methodology among the future generation of Perlis. In the curriculum of SAPPs MAIPs, Sunni Islamic Creed is a unique component. Therefore, this paper endeavours to compare selected issues in Sunni Islamic creed between Tuan Guru Nik Abdul Aziz, with the teaching and learning of Islamic creed in the curriculum of SAPPs MAIPs.

Keywords:

Islamic Creed, Nik Abdul Aziz Nik Mat, Primary Level Islamic Creed Education; Islamic Education; Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs); Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs)

Pengenalan

Allahyarham Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat (1931-2015) merupakan Mursyidul Am PAS (1995-2015) yang berpegang kepada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Sudah banyak tulisan dan Makalah yang diterbitkan berkenaan aspek politik dalam kehidupan beliau. Walau bagaimanapun, akidah Mursyidul Am PAS ini amat jarang untuk dikaji, ditulis mahupun diterbitkan. Oleh yang demikian kertas ini bertujuan untuk mengutarakan satu aspek dalam akidah beliau kepada sifat-sifat khabariah Allah.

Di Negeri Perlis, Raja Mudanya iaitu DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail memberi inspirasi suatu inisiatif Pendidikan Islam peringkat sekolah rendah yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Diperkenalkan nama Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) MAIPs, wawasan pendidikan MAIPs ini dilancarkan sejak tahun 2018 bagi melestarikan pembudayaan

metodologi Ahli Sunnah wal Jamaah dalam kalangan generasi pewaris Perlis. Dalam kurikulum SAPPs MAIPs, akidah Ahli Sunnah wal Jamaah merupakan komponen yang unik. Oleh itu, makalah ini mengikhtiarkan perbandingan isu-isu terpilih bagi akidah Tuan Guru Nik Abdul Aziz, dengan pengajaran dan pembelajaran akidah dalam kurikulum SAPPs MAIPs.

Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Perjuangannya

Allahyarham Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Ustaz Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat atau lebih popular disebut sebagai Tok Guru Nik Aziz lahir pada 10 Januari 1931 di Kampung Pulau Melaka, Kelantan. Beliau berasal dari keturunan Raja Jembal, sebuah dinasti yang pernah memerintah Kelantan suatu ketika dahulu (Habibul Izzah, 2015). Memulakan pendidikan awal dengan tuan-tuan guru sekitar Kelantan dan Terengganu dalam tradisi pengajian pondok, ayahnya sendiri Tuan Guru Nik Mat Bin Raja Banjar merupakan guru beliau yang pertama (Wan Jaafar, 2017). Kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Darul Ulum, Deoband, India pada tahun 1952. Selepas itu, beliau bermukim di Mesir untuk memasuki Universiti Al-Azhar dan akhirnya bergraduasi dengan ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab dan Sarjana Sastera Perundangan Islam pada tahun 1962.

Kerjaya politik beliau bermula apabila beliau menyertai Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada tahun 1967 (Riduan, 2008). Di Dewan Rakyat, beliau menjadi Ahli Parlimen Kelantan Hilir (1967-1974) dan Ahli Parlimen Pengkalan Chepa (1974-1986). Bagi peringkat Dewan Undangan Negeri Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz menjadi ADUN Semut Api dan seterusnya ADUN Cempaka selama tujuh penggal bermula dari tahun 1986 sehingga 2015. Di peringkat parti, beliau memegang jawatan Ketua Dewan Ulamak PAS (1968-1995) dan akhirnya menduduki hirarki tertinggi PAS sebagai Mursyidul Am (Spiritual Leader) bermula dari tahun 1995 sehingga 2015. Maka beliau adalah ideologue dan custodian kepada nilai-nilai dan ideologi parti PAS. Kedudukan ini memberikannya autoriti menasihati dalam semua perkara yang berkaitan dengan Islam yang dihadapi oleh parti dan pengikutnya, sehinggalah beliau kembali ke rahmatullah pada 12 Februari 2015. (Tajudin Saman 2005)

Bermula 22 Oktober 1990, Tuan Guru Nik Abdul Aziz mula berkhidmat sebagai Menteri Besar Kelantan yang ketujuh. Dengan slogan 'Membangun Bersama Islam', beliau mengemudi pentadbiran Kelantan dengan penerapan tiga komponen utama yang dirumuskan sebagai 'Ubudiyyah, Mas'uliyah dan 'Itqan (Wan Nik & Nik Najmil Hanif, 2020). Beliau mempelopori perubahan dan transformasi Islamik dalam pentadbiran negeri, antaranya amalan berjimat cermat. Bahkan beliau sendiri menyumbangkan 45% daripada gaji dan elaun beliau kepada perbendaharaan negeri untuk dimanfaatkan bagi kesejahteraan rakyat. Pendekatan politik dan pentadbirannya yang berbentuk high politics dan menuju God-centricity ini adalah suatu pencapaian yang mengagumkan dalam sejarah Islam abad ke-20.

Nik Aziz adalah seorang insan yang multidimensi. Selain ahli politik, ia juga dikenali sebagai tokoh pentadbir, pendidik, pendakwah dan pemimpin umat Islam. Ismail Yusoff (2015) mencatatkan pemerhatiannya:

"Nik Aziz juga dikenali sebagai salah seorang tokoh reformis Islam di Malaysia. Sebagai seorang tokoh pembaharuan dan intelektual Muslim, Nik Aziz mempunyai kesedaran yang tinggi untuk memperbaiki fahaman dan pengamalan agama masyarakat Islam di Kelantan khususnya dan di Malaysia

amnya. Baginya, kemajuan masyarakat Islam hanya dapat dicapai dengan memahami dan mengamalkan ajaran Islam secara murni dan tidak bercampur-aduk dengan bidaah, khurafat dan tahayul. Dalam usaha pembaharuan pemikiran dan pengamalan Islam di Malaysia, Nik Aziz mempraktikkan dengan cara dakwah, pendidikan dan kuasa politik. Idea, gagasan dan pemikiran beliau tercatat dalam karyanya sama ada dalam bentuk karangan, buku, kaset mahupun dalam bentuk VCD”

Berlainan dengan perspektif politik beliau yang telah banyak diselidiki dan ditulis, makalah ini berusaha untuk mendekatkan jurang kajian sedia ada dengan mengangkat pemikiran akidah Tuan Guru Nik Abdul Aziz, sekaligus membandingkannya dengan pengajaran dan pembelajaran kurikulum SAPPs MAIPs.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs): Pengasasan dan Evolusi

Subtopik ini membincangkan tentang penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) sebagai sebuah institusi agama negeri, termasuk pelancaran Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) serta perkembangan menyeluruhnya sehingga kini. Sejak sekian lama, MAIPs menjadi lambang kecemerlangan institusi Islam di negeri Perlis, terutamanya ketika di bawah kepimpinan dua tokoh diraja dari keturunan Jamalullail, iaitu Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Pemerintah Negeri Perlis, dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Raja Muda Perlis. Kedua-dua baginda telah memperkukuh perjuangan Ahli Sunnah Wal Jamaah di negeri ini.

Menurut Hazman dan Mohd Nazim (2020), penubuhan awal MAIPs dikaitkan dengan kelulusan The Muhammadan Marriages (Separation) Amendment Enactment No. 14 yang berkaitan pendaftaran nikah, cerai, dan rujuk pada 19 Zulhijah 1337 Hijrah bersamaan 12 September 1919. Seterusnya, Shariah Court Enactment No. 5 pula telah diwartakan pada 27 Jamadilakhir 1340 Hijrah bersamaan 24 Februari 1922. Enakmen-enakmen ini diluluskan melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri Perlis dengan perkenan Raja Syed Alwi ibni Syed Safi Jamalullail (1904–1943), dan dianggap sebagai asas kepada penubuhan MAIPs sebagai badan yang mentadbir hal ehwal Islam serta adat Melayu seperti pengurusan zakat, fatwa, dan pendidikan agama.

Rekod minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri sekitar tahun 1919 hingga 1922 memperlihatkan wujudnya usaha awal ke arah penubuhan MAIPs. Pada tahun 1920, MAIPs berfungsi sebagai Dewan Penasihat Raja yang dipengerusikan oleh Raja Syed Alwi Jamalullail serta dianggotai oleh ahli Majlis Mesyuarat Negeri termasuk Haji Mohd Noor bin Haji Muhammad dan Dato’ Wan Teh bin Dato’ Arau, kecuali Penasihat British yang bukan beragama Islam.

Tafsiran bahawa tahun 1920 merupakan tarikh penubuhan rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) turut diperkuatkan dengan perbandingan sejarah terhadap penubuhan institusi agama Islam di beberapa negeri Melayu lain. Sebagai contoh, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) telah ditubuhkan lebih awal pada 17 Safar 1334H bersamaan 24 Disember 1915. Diikuti pula dengan penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Johor pada tahun 1925, dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang ditubuhkan pada tahun 1926. Perbandingan ini menunjukkan bahawa inisiatif awal penubuhan MAIPs berlaku dalam lingkungan zaman yang sama dengan

negeri-negeri lain yang turut menubuhkan institusi keagamaan rasmi untuk mentadbir hal ehwal Islam secara lebih sistematik.

Pada tahun 1948, Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis dikurniakan dan menerusi Perkara 6(1), diperuntukkan bahawa Raja Pemerintah berkuasa menubuhkan MAIPs untuk menasihati baginda dalam urusan hal ehwal agama Islam dan adat Melayu. Susulan daripada itu, pada 26 Safar 1369H bersamaan 18 Disember 1949, undang-undang khas berkaitan MAIPs telah diluluskan oleh kerajaan negeri dan mendapat perkenan Raja Syed Putra Jamalullail pada 6 Rabiulawal 1369H bersamaan 27 Disember 1949.

Sebelum 1949, MAIPs berfungsi sebagai Pejabat Zakat dan Fitrah yang beroperasi dalam Pejabat Pemeriksa Kira-kira Kerajaan Negeri. Pada tahun 1951, pejabat ini mempunyai premis sendiri di Jalan Hospital, Kangar. Selanjutnya, pada 27 Februari 1964, MAIPs telah diangkat sebagai sebuah badan berkanun hasil perkenan Pemangku Raja ketika itu, Almarhum Tengku Sulaiman ibni Tengku Bendahara Abu Bakar. Pengiktirafan ini membolehkan MAIPs memainkan peranan yang lebih mantap dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam di negeri ini.

Perkembangan seterusnya menyaksikan penggubalan Enakmen Baitulmal dan Zakat pada tahun 1988. Menjelang awal tahun 2000-an, MAIPs berjaya memperkukuh pengurusan Baitulmal, Wakaf dan Sumber Am serta pengagihan zakat melalui pelbagai skim dan garis panduan yang lebih sistematik. Peranan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail selaku Yang Dipertua MAIPs ketujuh sejak tahun 1986 sangat penting dalam memperkukuh dasar Ahli Sunnah Wal Jamaah. Baginda banyak merujuk kepada para ilmuwan agama dalam urusan berkaitan Islam.

Transformasi besar MAIPs bermula apabila DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, selaku Pemangku Raja ketika itu, memperkenalkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 pada 14 April 2006. Baginda yang kini merupakan Yang Dipertua MAIPs kelapan memperkenalkan pelbagai pembaharuan, antaranya melalui Program MAIPs Peduli yang menzahirkan keprihatinan baginda kepada asnaf. Program ini menampilkan pendekatan turun padang melalui kayuhan basikal ke rumah-rumah asnaf dan turut disertai oleh baginda.

Dalam bidang pendidikan pula, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra sangat menitikberatkan pembangunan institusi pendidikan agama. Baginda berkenan menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ) serta menyokong pembangunan sekolah agama dan Maahad Tahfiz. Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) turut dilaksanakan atas titah baginda. Selain itu, MAIPs turut menyediakan biasiswa kepada golongan asnaf.

Usaha dakwah juga diperhebat melalui penubuhan Centre of Sunnah MAIPs, Institut Sunnah dan Irsyad (ISNAD), serta Skim Muballigh MAIPs yang diletakkan di bawah Jabatan Mufti Negeri Perlis. Raja Muda Perlis turut menjadikan budaya ilmu sebagai tunjang pembangunan rohani masyarakat melalui penglibatan aktif dalam wacana dan program keilmuan di seluruh negeri.

Dalam konteks hubungan antarabangsa, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra turut memperluas jaringan MAIPs ke peringkat global. Baginda sering mengangkat nama MAIPs dalam lawatan rasmi atau peribadi ke luar negara. Baginda juga menganjurkan Program

Tautan Ukhuwwah bersama rakyat Perlis di perantauan dan menjalin kerjasama strategik dengan majlis agama Islam di enam wilayah selatan Thailand, iaitu Satun, Trang, Phuket, Krabi, Phang Nga, dan Ranong. Kini, setelah meniti usia hampir satu abad, MAIPs terus memperkukuh peranannya sebagai institusi Islam negeri yang unggul melalui slogannya: “Menjunjung Syiar, Memaju Ummah.”

Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) MAIPs dan Perkembangannya

Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) MAIPs merupakan satu inisiatif pendidikan agama yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Inisiatif ini dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPNP). Pelaksanaan SAPPs MAIPs adalah sebagai menjunjung titah DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang telah menzahirkan tujuh amanat penting pada 20 April 2017. Amanat ketiga Baginda menegaskan bahawa:

"Anak-anak di Negeri Perlis hendaklah mewarisi kefahaman yang jelas tentang Ahlus Sunnah wal Jamaah yang dipegang dan diamalkan di dalam negeri ini. Mereka merupakan pewaris kita. Usaha pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan hal ini hendaklah dipertingkatkan. Maka, sukatan pengajian agama di peringkat awal (sekolah) hendaklah selaras dengan pegangan Perlis ini" (Hazman & Mohd Nazim, 2020)."

Susulan amanat tersebut, Bahagian Pendidikan JAIPs telah menyediakan Kertas Cadangan Pelaksanaan SAPPs yang dibentangkan dalam mesyuarat bersama MAIPs dan dipengerusikan oleh DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Raja Muda Perlis merangkap Tuanku Yang DiPertua MAIPs. Selaras dengan titah DYTMM Raja Muda Perlis, SAPPs digabungkan dengan kurikulum KAFA JAKIM dan kokurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (Hazman Hassan dan Mohammad Isyraf bin Ishak 2024) Cadangan ini telah diluluskan oleh Persidangan Majlis Mesyuarat MAIPs, dan seterusnya dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa KAFA Perlis bagi melantik Guru KAFA sebagai Guru SAPPs dan menambah baik kurikulum sedia ada.

Dengan izin Allah SWT, projek rintis SAPPs mula dijalankan secara berperingkat bermula tahun 2018 di 15 buah sekolah rendah yang mewakili setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh Perlis. Program dimulakan dengan kelas tahun satu dan berlangsung setiap petang Jumaat selama tiga jam. Bermula Januari 2019, pelaksanaan penuh dilaksanakan setiap hari Rabu petang selama tiga jam. Pada tahun 2020, program diperluas kepada 80 buah sekolah rendah dengan murid tahun satu sesi 2020 sebagai peserta.

Setiap kelas dikendalikan oleh seorang Guru SAPPs, menjadikan jumlah guru sebanyak 320 orang pada tahun 2020. Menjelang tahun 2023, jumlah ini meningkat kepada 430 orang yang terdiri daripada lima Guru KAFA bagi setiap 86 buah sekolah. Semua guru ini adalah Guru KAFA lantikan JAKIM yang memenuhi syarat kelayakan minimum. MAIPs menyediakan peruntukan khas bagi membayar elaun bulanan kepada guru-guru SAPPs. Sehingga tahun 2024, jumlah guru meningkat kepada 560 orang.

Kurikulum SAPPs dibangunkan berdasarkan wawasan DYTMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail untuk melaksanakan amanat DYMM Tuanku Syed Sirajuddin. Ia unik kerana berteraskan dalil yang sahih, tidak terikat kepada satu mazhab fiqh tertentu, dan menepati

semangat Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis 1948. Kurikulum ini dinilai berdasarkan kekuatan dalil naqli dan dipastikan selaras dengan al-Quran dan as-Sunnah.


Untuk memperkukuhkan pengajian al-Quran, DYTM Raja Muda Perlis turut melancarkan "Tafsir Ringkas Faizuddin Juz 30" pada 27 Mac 2024 sebagai bahan pengajaran rasmi untuk SAPPs. Kurikulum SAPPs menekankan penghayatan fardu ain yang meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak, serta pemahaman terhadap pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah di Negeri Perlis.

Kurikulum dan sukatan pelajaran SAPPs adalah hak milik MAIPs dan diguna pakai di seluruh sekolah terlibat. Penggubalan dilakukan oleh panel pakar berpengalaman dan melalui beberapa siri bengkel semakan berkala yang disertai oleh panel JAIPs, JMNPps dan Guru KAFA. Buku teks dan latihan disediakan secara percuma kepada murid, manakala Bahan Bantu Mengajar (BBM) juga dibekalkan kepada guru untuk melancarkan sesi pengajaran dan pembelajaran.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan dua kaedah utama iaitu analisis dokumen dan perbandingan pendapat tokoh. Pendekatan ini sesuai digunakan dalam bidang pengajian agama untuk memahami naratif, pemikiran, dan perkembangan idea berdasarkan sumber bertulis serta interpretasi pemikiran individu yang berautoriti. Kaedah analisis dokumen merujuk kepada kajian ke atas bahan bertulis seperti minit mesyuarat, surat-menyurat, laporan tahunan, buku ilmiah dan artikel jurnal, dokumen perundangan dan risalah keagamaan. Langkah-langkah dalam analisis dokumen dengan cara pemilihan dokumen berdasarkan kaitan dengan objektif kajian bagi melalui penilaian kesahihan dan kebolehpercayaan sumber. Penyaringan tema dan pola pemikiran dalam dokumenserta analisis kandungan secara tematik dan deskriptif turut dilakukan.

Selain itu, kaedah membandingkan pandangan tokoh seperti Tok Guru Nik Aziz dalam sesuatu isu atau tema tertentu. Langkah pelaksanaan dengan mengumpul petikan, tulisan, atau ucapan beliau. Justifikasi pemilihan kedua-dua kaedah ini adalah Berdasarkan kepada aspek ketelitian dalam menilai fakta sejarah atau dasar. Aspek kefahaman yang mendalam terhadap kepelbagaian pandangan dan analisis yang lebih objektif terhadap isu berdasarkan sumber primer dan sekunder.



Carta I: Pegangan Akidah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan Kurikulum Akidah Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) MAIPs

Akidah dalam Kurikulum Sekolah Agama Petang Perlis (SAPPs) MAIPs

Akidah adalah antara disiplin utama yang menjadi teras dalam kurikulum SAPPs MAIPs yang menekankan aspek kepercayaan dan pegangan yang sahih. Kandungan subjek akidah dalam SAPPs dipastikan bersumberkan rujukan-rujukan muktabar yang diterima secara ijmak oleh ulama, iaitu al-Quran al-Karim dan As-Sunnah al-Nabawiyyah. Dengan pendekatan yang berlandaskan sumber primer kepada ajaran Islam dan bersifat asli ini, murid-murid bukan sahaja akan memperoleh ilmu secara teori, malah akan dididik untuk menghayati dan mengamalkan ajaran akidah dalam kehidupan seharian mereka.

Manhaj atau metodologi akidah dalam Kurikulum SAPPs MAIPs dibina berasaskan keimanan yang tulen dan bersumberkan wahyu, selaras dengan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah. Ia menekankan pemupukan akidah Islamiyyah yang sahih melalui pendekatan tarbiah ruhiyyah yang tidak berasaskan falsafah atau logik semata-mata, sebaliknya berpaksikan al-Qur'an dan al-Sunnah dengan pemahaman para Sahabat Rasulullah s.a.w. Tiga elemen utama berikut menjadi teras dalam pembentukan manhaj akidah dalam Kurikulum SAPPs MAIPs ini. (Hazman Hassan 2022)

Al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai Sumber Utama Akidah

Kurikulum SAPPs MAIPs menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber utama dalam pembentukan dan pengukuhan akidah. Pendekatan ini menghindari penggunaan retorik falsafah atau ideologi, sebaliknya mencontohi manhaj akidah para sahabat Rasulullah SAW. Sebagai contoh, dalam Buku Teks SAPPs MAIPs Tahun 1, halaman 2, murid diperkenalkan kepada asas keimanan melalui kaedah soal jawab berdasarkan hadis sahih, seperti:

“Siapa Tuhanmu?”, “Apakah agamamu?”, dan “Siapakah Nabimu?”
(al-Bukhari, 2002, No: 1369; Muslim, 2006, No: 2871)

Ini menunjukkan bahawa akidah diajarkan melalui dalil wahyu dan bukan melalui pendekatan retorik falsafah.

Penghayatan Rukun Iman Berdasarkan al-Sunnah

Manhaj akidah SAPPs MAIPs seterusnya menekankan penghayatan menyeluruh terhadap enam rukun iman, dengan pendekatan yang seimbang dan holistik. Tidak hanya menumpukan kepada aspek sifat-sifat Allah, kurikulum ini memperluas perbincangan kepada aspek keimanan terhadap malaikat, kitab-kitab, para rasul, Hari Akhirat serta qada' dan qadar secara berimbang. Dalam Buku Teks SAPPs MAIPs Tahun 2, halaman 3, hadis Jibril dijadikan sandaran dalam memperkenalkan konsep Rukun Iman:

“...Hendaklah kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat dan hendaklah engkau beriman kepada takdir Allah yang baik dan yang buruk...”
(Muslim, 2006, No: 4777)

Ini membuktikan bahawa pelajar dibimbing memahami rukun iman terus daripada sumber-sumbernya yang asli lagi sahih.

Rasulullah SAW Sebagai Uswah Hasanah dalam Akidah

Kurikulum SAPPs MAIPs menegaskan bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan contoh teladan terbaik dalam segala aspek kehidupan, termasuk aspek akidah. Pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah menetapkan bahawa akidah baginda adalah akidah yang paling sempurna sebagai pegangan dan wajib dicontohi. Dalam Buku Teks SAPPs MAIPs Tahun 3, halaman 12, dijelaskan bahawa perutusan Rasulullah SAW telah memansuhkan syariat terdahulu, berdasarkan firman Allah dalam Surah al-Ma'idah, ayat 48:

“Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Qur'an) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya.”

Melalui pendekatan ini, murid bukan sahaja mengenali Nabi sebagai Rasul, tetapi juga meneladani akidah dan keimanan baginda dalam kehidupan seharian. Secara ringkasnya pelajaran akidah dalam kurikulum SAPPs MAIPs bermula dari tahun 1 sehingga tahun lima adalah seperti berikut:

Bil	Tahun/Darjah	Tajuk	Muka Surat
1	Satu (1)	Pelajaran 1: Pengertian Akidah Pelajaran 2: Perkara yang wajib diketahui oleh seorang muslim Pelajaran 3: Mengenal Allah SWT Pelajaran 4: Mengenal agama Islam Pelajaran 5: Mengenal Nabi Muhammad SAW Pelajaran 6: Tujuan Manusia diciptakan	1-22
2	Dua (2)	Pelajaran 1: Rukun Iman Pelajaran 2: Beriman kepada Allah SWT Pelajaran 3: Beriman kepada Malaikat Pelajaran 4: Beriman kepada Rasul	2-58
3	Tiga (3)	Pelajaran 1: Beriman kepada kitab Pelajaran 2: Al-Quran Pelajaran 3: Beriman kepada hari akhirat	2-49
4	Empat (4)	Pelajaran 1: Kematian Pelajaran 2: Alam Barzakh Pelajaran 3: Syurga Pelajaran 4: Neraka	2-49
5	Lima (5)	Pelajaran 1: Rukun Iman Pelajaran 2: Beriman kepada Allah SWT Pelajaran 3: Meyakinkan KeESAAN Allah SWT Pelajaran 4: Beribadat hanya kepada Allah SWT Pelajaran 5: Nama dan Sifat Allah SWT	1-30

Jadual 1: Struktur Kurikulum Akidah SAPPs MAIPs

Penggubalan topik Akidah dalam Kurikulum SAPPs Tahun 1 hingga 5 mencerminkan usaha MAIPs memperkukuh pendidikan Islam berteraskan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah, seperti mana yang difahami oleh para sahabat Rasulullah yang menyaksikan sendiri penurunan al-Qur'an dan hadis. Pendekatan bertahap ini memperkenalkan asas keimanan secara praktikal, mengukuhkan penghayatan Rukun Iman, serta menjadikan Rasulullah SAW sebagai model terbaik bagi akidah.

Perbandingan Akidah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan Akidah dalam Kurikulum SAPPs MAIPs

Sudah pasti usaha perbandingan antara akidah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan akidah dalam kurikulum SAPPs MAIPs memerlukan wahana yang lebih besar daripada kertas ini. Walau bagaimanapun bagi tujuan perbandingan, fokus subtopik ini akan diarahkan kepada huraian sifat istiwa' yang merupakan salah satu daripada sifat-sifat Khabariah Allah. Sifat Khabariah Allah SWT ialah sifat-sifat Allah yang datang melalui pendengaran kepada nas syarak manakala akal tidak mampu memahami hakikat sebenar sifat tersebut. Antara contoh Sifat Khabariah Allah adalah sifat nuzul ke langit dunia, tangan, wajah, mata dan istiwa' atas arasy al-Bayhaqi (1984).

Perbahasan tentang Sifat Khabariah Allah termasuk dalam asma' wa sifat Allah, yang menurut al-Bajuri (2004) ialah segala nama yang dimiliki oleh Allah yang menunjukkan keagungan-Nya, serta sifat-sifat-Nya yang menunjukkan kesempurnaan-Nya, di mana sifat-

sifat ini hanya layak bagi Allah, yang tidak dapat disamakan dengan makhluk. Adapun semua nama dan sifat Allah mesti diyakini berdasarkan apa yang dinyatakan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah tanpa menafikan atau menyelewengkan maknanya.

Dalam memahami Sifat Khabariah Allah, akidah Tuan Guru Nik Abdul Aziz, yang mendapat pendidikan berteraskan ilmu naqli serta mendalami bidang tafsir dan hadis, dilihat lebih condong kepada pendekatan Salaf iaitu metodologi para Sahabat Rasulullah s.a.w dan generasi terawal Umat Islam (Che Samsuddin, 2019). Kecenderungan ini dapat dikenalpasti melalui penulisan, pandangan dan penjelasan beliau dalam pelbagai ceramah serta kuliah, khususnya apabila membicarakan isu-isu berkaitan akidah.

Beliau dilihat lebih selesa menyampaikan ilmu akidah kepada masyarakat dengan pendekatan Salaf, berbanding menggunakan pendekatan Ilmu Kalam atau kaedah pengajian Sifat 20 yang lebih dominan di Malaysia. Sebagai sokongan, sebuah petikan rakaman video berikut boleh dijadikan rujukan, di mana pada minit 0.31, beliau menyatakan:

“Ambo sebutnya, hak yang wajib ialah makrifatullah, awwaluddin makrifatulla kata alim ulamak kita. Awal-awal perkara ugama ni kita kenal Tuhan dulu. Kenal Tuhan tu wajib. Cara mana kenal Tuhan, ni masing-masing bawa. Ada orang gi kok Sifat Dua Puluh, ada orang gi kok Quran terus. Ambo tak sebut Sifat Dua Puluh ni wajib, kerana apa? Kerana kalau kita kata sifat dua puluh hak ada lo ni wajib maka orang zaman Nabi dulu sorang habuk tak reti Sifat Dua Puluh. Maka ertinya orang tu tertinggal barang wajib.”

Alihbahasa:

“Saya sebut, perkara wajib ialah makrifatullah (menenal Allah). Awwaluddin makrifatullah kata para alim ulamak kita. Perkara awal dalam agama ialah menenal Tuhan. Kenal Tuhan adalah wajib. Bagaimana untuk menenal Tuhan, terletak kepada cara masing-masing. Sesetengah orang mengikut cara pengajian “Sifat Dua Puluh”, dan sesetengahnya pula melalui pengajian terus kepada al-Qur'an. Saya tidak mengatakan “Sifat Dua Puluh” itu wajib, kenapa? Kerana kalau kita mengatakan bahawa pengajian “Sifat Dua Puluh” seperti yang ada sekarang ini wajib, maka mereka yang hidup di zaman Nabi, tidak seorang pun yang mengerti “Sifat dua puluh”. Maka ini bererti mereka tersebut telah tertinggal perkara wajib.”

Contohnya seperti dalam satu video kuliah beliau di minit 4.02:

“Istawā tu maknanya dok sselo lendik, tapi Tuhan dok sselo lendik ko? Dok. Supo kita kata Tuhan ni ada, Tuhan ni ada ko tadak Ada, supo kita ko dia ada? Tidak, kita ada cara kita, dia ada cara dia. Istawā, dok selo lendik. Kalau kita mari dok atas kerusi mari dok sselo lagu ni dia panggil istawaytu 'alal kursī, aku dok sselo atas, kursi. Jadi Tuhan dok sselo cara dia كما يلي بجلا له.”

Alihbahasa:

“Istiawā bermakna duduk bersila. Tetapi adakah Tuhan duduk bersila? Tidak. Sepertimana kita kata “Tuhan itu ada Tuhan “ada” kah atau tiada? Jawabnya ada. Adanya Tuhan adakah seperti adanya kita? Tidak. Kita ada secara kita, Dia ada secara Dia. Istiawā maknanya “duduk bersila”. Kalau kita datang

duduk di atas kerusi, duduk seperti ini, ia dipanggil istiwa Istawaytu `alā al-Kursī; Aku duduk bersila di atas kerusi. Jadi Tuhan duduk bersila secara Dia, iaitu كما يلي بجلا له (sebagaimana yang layak bagi KebesaranNya).”

Berdasarkan huraian di atas dapat di simpulkan bahawa Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat mengambil pendekatan Salaf dalam memahami dan menyampaikan akidah, dengan menekankan makrifatullah berasaskan al-Qur’an dan al-Sunnah. Beliau menolak keperluan mewajibkan pendekatan Sifat 20 secara mutlak, bagi menjaga keaslian kefahaman akidah sebagaimana difahami oleh generasi awal Islam. Pendekatan ini menegaskan prinsip tanzih, iaitu menafikan sebarang penyerupaan antara Allah dengan makhluk, selaras dengan manhaj Ahli Sunnah wal Jama’ah.

Bagi SAPPs MAIPs, secara jelasnya metodologi pembinaan kurikulum akidahnya adalah berdasarkan manhaj Ahli Sunnah wal Jama’ah yang bertunjangkan dalil-dalil yang sahih Hakikat ini dicerap berdasarkan titah perutusan DYTm Raja Muda Perlis Tuanku Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (MAIPs, 2021):

"MAIPs mewujudkan SAPPs bermula pada tahun 2018 untuk mendaulatkan aspirasi Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai agama bagi negeri yang dikanunkan oleh Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948. Antara skop yang akan diajar dalam SAPPs ini merangkumi bidang Akidah, Ibadah dan Akhlak. Murid-murid akan didedahkan dengan ilmu-ilmu Islam daripada sumber yang muktabar iaitu daripada al-Quran dan Sunnah SAW."

Dan:

"Sehubungan dengan itu, SAPPs ini digubal bagi menjadi kurikulum pelengkap kepada kurikulum kebangsaan kerana keunikannya yang berdasarkan kepada dalil yang sahih tanpa terikat dengan mazhab tertentu. Kurikulum yang diajar dalam SAPPs dipilih, dinilai dan disaring berdasarkan akidah yang sahih dan pandangan fiqh yang memiliki dalil yang kukuh. SAPPs ini juga merupakan satu usaha berterusan Negeri Perlis bagi mendidik dan membentuk murid-murid Islam ke arah perkembangan fitrah insan bertepatan dengan kehendak al-Quran dan As-Sunnah."

Contoh teks akidah SAPPs MAIPs tahun 5, pelajaran 5, Nama dan Sifat Allah muka surat 25 hingga 26:

"5.1 Pengertian Beriman dengan Nama dan Sifat Allah SWT
Beriman dengan nama dan sifat Allah SWT ialah beriktikad bahawa Allah SWT mempunyai sifat kesempurnaan dan terpelihara daripada sebarang kesempurnaan"

Dan

"Terdapat tiga asas utama yang perlu difahami oleh setiap Muslim dalam perkara ini, iaitu:

1. Menetapkan sifat Allah SWT sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam al-quran al-Karim dan Sunnah Rasulullah SAW.
2. Menafikan sifat yang menyamakan Allah SWT dengan makhluk.
3. Menghilangkan perasaan yang berlebihan dalam mengetahui sifat Allah SWT..."

Oleh yang demikian akidah pegangan Tuan Guru Nik Aziz dan akidah dalam kurikulum SAPPs MAIPs adalah memiliki persamaan yang amat besar. Keserasian ini adalah bertepatan dengan pandangan al-Ghazali (Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali 2015) dalam kitabnya *Ihya' 'Ulum al-Din* yang menegaskan:

"Dia beristiwa' di atas 'Arasy menurut firmanNya dan menurut erti yang dikehendakiNya, istiwa' yang suci dari tersentuh dengan sesuatu, suci dari tetap dan tenang, suci dari mengambil tempat dan berpindah."

Oleh yang demikian, dalam merumuskan Sifat Khabariah Allah khasnya sifat istiwa', akidah dalam kurikulum SAPPs MAIPs memiliki keserupaan yang amat identik dengan akidah pegangan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. Adapun perbezaan yang ketara adalah akidah Tuan Guru Nik Abdul Aziz adalah disyarahkan untuk para penuntut yang matang dan dewasa. Adapun kurikulum dalam SAPPs MAIPs pula direkabentuk supaya dapat dicerna dan direalisasikan oleh kanak-kanak berusia di bawah 12 tahun.

Kesimpulan

MAIPs yang ditubuhkan semenjak lebih satu abad yang lampau iaitu pada tahun 1920 merupakan sebuah dewan diraja dalam pengurusan hal ehwal Islam, yang berfungsi membantu DYMM Tuanku Raja Perlis menjalankan amanah sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri Perlis. Bermula daripada Almarhum Raja Syed Alwi Jamalullail, diikuti oleh Almarhum DYMM Tuanku Syed Putra Jamalullail dan dikembangkan oleh DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, MAIPs kini ditransformasi dan diremajakan lagi di bawah teraju DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail sebagai Tuanku Yang DiPertua MAIPs.

SAPPs merupakan versi MAIPs kepada Sekolah Agama Petang di Negeri Perlis, sepertimana wujudnya sekolah-sekolah Agama Petang di negeri-negeri lain seperti Johor, Selangor dan lain-lain. Secara ringkas dan padat, akidah dalam kurikulum SAPPs MAIPs merupakan gabungan akidah dalam al-Quran, dengan akidah Rasulullah dalam al-Sunnah yang sahih serta dipadukan bersama-sama akidah para Sahabat Rasulullah SAW. Tiga elemen utama pembentukan manhaj akidah dalam Kurikulum SAPPs MAIPs ialah al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber utama akidah, penghayatan Rukun Iman berdasarkan al-Sunnah, serta Rasulullah SAW sebagai Uswah Hasanah dalam akidah.

Allahyarham Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (1931-2015) adalah ideologue dan custodian kepada nilai-nilai dan ideologi parti PAS. Dalam memahami Sifat Khabariah Allah, akidah Tuan Guru Nik Abdul Aziz, yang mendapat pendidikan berteraskan ilmu naqli serta mendalami bidang tafsir dan hadis, dilihat lebih condong kepada pendekatan Salaf iaitu metodologi para Sahabat Rasulullah s.a.w dan generasi terawal Umat Islam. Menerusi perbandingan antara akidah Tuan Guru Nik Abdul Aziz berkenaan sifat Khabariah Allah khasnya istiwa' dengan akidah dalam kurikulum SAPPs MAIPs, maka terbukti kedua-duanya memiliki keselarasan dan keserasian.

Penghargaan

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga serta para sahabat baginda sekalian.

Segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadirat Allah S.W.T. atas limpah kurnia dan inayah-Nya yang telah mengizinkan saya untuk menyempurnakan penulisan artikel ini dengan jayanya. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) atas komitmen berterusan dalam memperkasa kajian ilmu Islam, bahkan mencerminkan kesungguhan institusi ini dalam memastikan kurikulum pendidikan agama di negeri Perlis sentiasa berpaksikan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sahih dan berteraskan nilai-nilai ilmiah. Sesungguhnya, hanya Allah S.W.T. jua yang mampu membalas segala jasa dan sokongan yang telah diberikan. Semoga MAIPs terus diberkati, dipandu oleh hidayah Allah, dan teguh memainkan peranannya sebagai institusi agama yang unggul di negeri ini.

Sekian, wassalam.

Rujukan

- Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqi (1986), *Kitāb al-Asmā' wa al-Ṣifāt*, Beirut, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī. (2015). * *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn: Volume 1 – The Revival of the Religious Sciences*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust (IBT).
- Che Samsudin Mohamed Noor. (2019). * *Manhaj Tok Guru Dalam Berinteraksi Dengan al-Quran & al-Sunnah* *. Kota Bharu: Institut Pemikiran Tok Guru Dato’ Bentara Setia (IPTG).
- Hazman Hassan & Mohd Nazim Mohd Noor (2020). Kedudukan Istimewa Manhaj Ahli
- Hazman Hassan & Mohammad Isyraf bin Ishak (2024). Pengaplikasian Rukhsah Dalam Kurikulum Sekolah Agama Petang Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*, 343-355.
- Hazman Hassan (2022). Al-Sunnah Dalam Kurikulum Sekolah Agama Petang Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). *The 8 International Prophetic Conference (SWAN 2022)*, 396-409.
- Ibrāhīm ibn Muḥammad ibn Aḥmad al-Bājūrī. (2004). * *Tuhfah al-Murīd ‘ala Jawharah al-Tawḥīd* *. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ismail Yusof. (2015). * *Tuan Guru Nik Abdul Aziz: Pemikiran agama dan politik* *. Sintok: UUM Press.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. (2021) Buku teks tahun 1. * *Titah keputusan DYTM Raja Muda Perlis* *. Kangar: MAIPs.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. (2025) Buku teks tahun 5. * *Subjek Akidah, Pelajaran 5: Nama dan Sifat Allah* *. Kangar: MAIPs.
- Riduan Mohamad Nor. (2008). * *Saat cinta bertasbih: Tribut untuk Tuan Guru* *. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Sunnah Waljamaah Dalam Perlembagaan Negeri Perlis. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Tajuddin Saman. (2005). * *Tokoh ulama Nusantara* *. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Syakir
- Wan Jaafar Jusoh (2017), *Kegemilangan Sejarah dan Warisan Islam Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Wan Nik Wan Yussof & Nik Najmil Hanif Ab Rahim (2020), *Pembinaan Tamadun Kelantan*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- YouTube. (n.d.). * *Video ceramah Tuan Guru Nik Abdul Aziz* *. <https://www.youtube.com/watch?v=KvZE77Q4Isw>